

UNTUK SIARAN SEGERA

## ***Menangani Batasan Kreatif dalam Industri Filem Malaysia: Mengimbangi Inovasi dengan Tanggungjawab***

*CMCF dan ASWARA merungkai bagaimana pembikin filem dan pencipta kandungan mampu mengimbangi kreativiti dalam bidang mereka secara bertanggungjawab*

**KUALA LUMPUR, 8 JANUARI 2024** — Evolusi industri perfileman Malaysia dalam konsep kebebasan berkreaitif sedang berkembang dan ia mendorong batas artistik yang melibatkan penonton dalam naratif yang pelbagai. Walau bagaimanapun, dalam menelusuri penerokaan ini, terdapat pendapat yang diketengahkan sewaktu forum industri baru-baru ini yang bertajuk "Batas Kreativiti Warga Digital Dalam Dunia Tanpa Sempadan," yang dihoskan oleh Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Forum tersebut membariskan kepelbagaian panel profesional yang berpengalaman termasuk penulis, pengarah, penerbit, pendidik dan alumni ASWARA yang menekankan keseimbangan penting antara kebebasan kreatif dan tanggungjawab dalam proses pembikinan filem. Panel itu merangkumi tokoh-tokoh ternama seperti Mediha Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif CMCF; Ts. Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff, pensyarah kanan di Universiti Putra Malaysia (UPM); Azrie Izham Hamzah, pensyarah di ASWARA; Zizan Nin, seorang tokoh serba boleh dalam industri sebagai penerbit, pengarah, dan pelakon; dan Soula Nordin, penulis skrip.

Dzul Karnain Abdullah, pensyarah di ASWARA dan ahli lembaga pengarah TV AlHijrah, menetapkan nada dengan menekankan keperluan untuk kawal selia sendiri dalam kalangan pencipta kandungan dan penonton dalam era digital. Mengulas mengenai evolusi medium kreatif, Dzul Karnain turut menekankan tanggungjawab warga digital untuk mengamalkan kawalan sendiri dalam kebanjiran kandungan yang tersedia. Beliau menekankan bahawa tanggungjawab ini meliputi penyertaan aktif dalam membentuk masyarakat bebas daripada pengaruh negatif dan berbahaya merentasi generasi.

Mediha Mahmood, menekankan Kod Kandungan sebagai sumber yang berharga. "Bagi kami di CMCF, kami sangat menekankan keseimbangan; membenarkan kebebasan kreatif kepada pembikin filem sambil memastikan penonton terutamanya kanak-kanak, dilindungi daripada kandungan yang berbahaya. CMCF juga sangat menggalakkan kawalan sendiri Kandungan, dengan harapan, kuranglah pembikin filem yang sedih atau kecewa kerana karya mereka terlalu banyak ditapis atau di'ban terus. Harapan kami juga agar semua pencipta kandungan lebih sedar tentang batasan dalam berkarya, agar dunia digital pun kekal selamat untuk semua," katanya dalam ucapan beliau.

Menggambarkan keperluan untuk keseimbangan ini, Ts. Dr. Syed Agil menekankan ketidakpraktisan larangan secara menyeluruh terhadap perkataan kesat tanpa mempertimbangkan nuansa kontekstual di mana bahasa tersebut digunakan. Beliau berhujah bahawa pedekatan sedemikian adalah tidak realistik, terutamanya dalam bidang filem, yang sememangnya bertujuan untuk menggambarkan cerita secara realistik dengan cara yang kreatif. Ts. Dr. Syed Agil turut menekankan pentingnya pengarah menggunakan kreativiti untuk menyelaraskan karya mereka dengan garis panduan yang ditetapkan oleh

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) atau CMCF, sekali gus memastikan keseimbangan antara kebebasan artistik dan pematuhan standard kawal selia.

Dari sudut pandangan pengarah pula, Zizan mengatakan bahawa sifat audio-visual filem telah menyediakan pembikin filem pelbagai teknik untuk menghidupkan skrip di skrin. Ini termasuk penggunaan metafora secara halus, penggunaan sinematografi secara strategik, manipulasi pencahayaan dan pemilihan prop yang bernas. Zizan menekankan kepentingan untuk tidak mengambil pendekatan yang langsung dalam menggambarkan sesebuah adegan. Sebagai contoh, beliau menyebut penggunaan ciuman untuk menyampaikan kasih sayang, sambil menyatakan bahawa walaupun paparan sedemikian mungkin menjadi norma budaya di rantau lain, terutamanya di Eropah, adalah penting untuk mengiktiraf dan menghormati perbezaan budaya. Beliau menekankan kepentingan persefahaman bersama, di mana pelbagai pandangan budaya wujud tanpa penilaian atau disalahkan.

Soula turut memberikan contoh daripada skripnya untuk telefilem "Angah", di mana terdapat satu topik sensitif yang divisualkan tanpa memaparkan adegan eksplisit. "Secara peribadi, saya tidak menulis adegan eksplisit, tetapi walaupun begitu, kreativiti pengarah (Eyra Rahman) dalam memvisualkan isu yang sensitif tersebut dapat menyampaikan mesej dengan baik," katanya.

Sementara itu, Azrie Izham menasihatkan para pembikin filem supaya peka terhadap penonton sasaran mereka serta bagaimana tema dan mesej karya mereka akan dipersepsikan. "Nasihat ini terpakai terutamanya kepada pelajar penulisan kreatif dan filem yang sering merasa terdorong untuk membuat cerita terlalu 'mendalam'. Sebaliknya, kita sepatutnya berusaha untuk merakam adegan dengan cara yang dapat meresap dalam kalbu penonton, bermain dengan visual untuk meningkatkan pemahaman," katanya.

Azrie Izham menambah bahawa dengan sifat media sosial, filem-filem yang lebih panjang kadangkala dikongsi sebagai potongan-potongan kecil, yang boleh dengan mudah menyalahfahsirkan mesej asal sesebuah filem. Dalam hal ini, penonton boleh mengamalkan kawal selia sendiri dengan menonton versi penuh filem dan menilai tema yang dimaksudkan dengan sendiri.

Mesej utama dari pandangan ini adalah jelas – sewaktu industri menerokai batas, rasa tanggungjawab dan kawal selia sendiri memastikan filem bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mendidik dan menyumbang kepada dialog positif dalam masyarakat.

- TAMAT -

## **MENGENAI CMCF**

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) merupakan organisasi kawal selia sendiri dan forum industri yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) untuk menyelia dan mempromosikan kawalan sendiri kandungan melalui medium elektronik berangkai. CMCF terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehosan teks audio, penyedia perkhidmatan akses Internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawalan sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, CMCF komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pendedaran dan penggunaan kandungan elektronik berangkai.

Sebagai badan kawalan sendiri industri, CMCF terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses Internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan kesamarataan dalam kalangan industri.

CMCF bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan). Kod Kandungan telah disediakan oleh CMCF dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004. Kod Kandungan merupakan rujukan utama bagi kawalan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan prosedur kawalan sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

CMCF menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui elektronik berangkai. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menjadi perantara pertikaian, mengadili kes, menerbitkan perintah dan mengenakan sekatan sekiranya perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan sebagai penasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan bimbingan berkenaan perihal kandungan elektronik.

---

### Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak CMCF

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

#### **GO Communications**

**Lim Huei Yuih**, Brand Director

+6012 635 3278 [hueiyuih@gocomm.com.my](mailto:hueiyuih@gocomm.com.my)

**Anis Jilid**, Associate Brand Manager

+6011 1233 9022 [anis@gocomm.com.my](mailto:anis@gocomm.com.my)

---